



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
PUSAT SETEMPAT (OSC) PBT
BAGI MENJALANKAN OPERASI SEKTOR PEMBINAAN
DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KETIGA (PKP 3.0) DAN PASCA PKP 3.0**

KANDUNGAN

1. TUJUAN

2. LATAR BELAKANG

3. OBJEKTIF

4. DEFINISI

- i. **Pusat Setempat/ *One Stop Centre* (OSC)**
- ii. **Pemohon**
- iii. **Jabatan/ Agensi Teknikal**
- iv. **Kategori**

5. KUATKUASA

6. LAMPIRAN

- A. Kategori 1 : Permohonan Rasmi Pelan Pemajuan Belum Dikemukakan Sebelum PKP Dikuatkuasakan Pada 1 Jun 2021.
- B. Kategori 2 : Permohonan Rasmi Telah Diterima Dan Belum Dipertimbang Jawatankuasa OSC.
- C. Kategori 3 : Permohonan Telah Diluluskan Jawatankuasa OSC Dengan Keputusan Lulus Penuh.

- D. Kategori 4 : Permohonan Telah Diluluskan Jawatankuasa OSC Dengan Keputusan Lulus Dengan Pindaan.
- E. Kategori 5 : Pemajuan Yang Telah Mendapat Semua Kelulusan Pelan Pemajuan Tetapi Belum Membuat Notifikasi Mula Kerja Binaan.
- F. Kategori 6 : Pemajuan Yang Telah Mengemukakan Notifikasi Mula Kerja Binaan Dan Kerja Pembinaan Telah Dimulakan.
- G. Kategori 7 : Pemajuan Yang Telah Mencapai Kemajuan Fizikal 90% Hingga 100% Dan Bersedia Untuk Pengeluaran Sijil Penyiapan Dan Pematuhan.
- H. Kategori 8: Pemajuan Yang Telah Selesai Menjalankan Pemeriksaan Akhir Dan Dokumen CCC Telah Dilengkapkan Tetapi Belum Membuat Pendepositan CCC Di PBT
- I. Nota Utama

1. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan/ Agensi Teknikal dan pemilik tanah / pemaju (Project Proponent) serta Perunding Profesional (SP dan PSP) yang dilantik oleh pemaju berhubung urusan permohonan untuk mendapatkan kelulusan pelan-pelan pemajuan dan permit pembinaan bagi menjalankan operasi pembinaan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam tempoh PKP dan Pasca PKP. SOP ini juga adalah selaras dengan amalan Manual OSC 3.0 Plus.

2. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah mengisytiharkan tempoh PKP berkuatkuasa pada 18 Mac 2020 bagi memutuskan rantai jangkitan COVID-19. Pada 10 April 2020, YB Menteri Kanan MITI telah mengisytiharkan kebenaran beroperasi diberi kepada sektor tambahan bagi melindungi ekonomi negara pasca COVID-19. Sektor tambahan ini termasuk projek-projek pembinaan dan perkhidmatan berkaitan pembinaan. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membangunkan **Prosedur Operasi Standard (SOP) Pusat Setempat (OSC) PBT Bagi Menjalankan Operasi Sektor Pembinaan Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dan Pasca PKP** sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan / Agensi Teknikal, Pemaju / Pemilik Tanah dan Perunding Profesional bagi menyokong peranan mereka dalam *supply chain* sektor pembinaan. SOP ini juga bagi memastikan pendekatan PKP berkaitan kawalan

pergerakan, penjarakan sosial dan perkumpulan secara beramai-ramai dipatuhi.

Situasi pandemik Covid-19 masih menunjukkan angka tularan yang tinggi pada bulan Jun 2021 telah menuntut Kerajaan Persekutuan mengumumkan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi dari 1 Jun hingga 14 Jun 2021 sebagai fasa 1 PKP 3.0. Tempoh keseluruhan PKP 3.0 adalah bergantung kepada kejayaan dalam melandaikan keluk angka tularan mengikut fasa yang akan ditetapkan oleh kerajaan.

3. OBJEKTIF

Sebagai panduan semasa dalam tempoh PKP dan pasca PKP dalam menjalankan proses dan prosedur pengemukaan, pertimbangan dan pengeluaran kelulusan pelan-pelan pemajuan dan kebenaran permit-permit pembinaan oleh semua pihak yang terlibat dalam sektor pembinaan iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan / Agensi Teknikal, Pemaju / Pemilik Tanah dan Perunding Profesional.

4. DEFINISI

i. PUSAT SETEMPAT / ONE STOP CENTRE (OSC)

OSC berfungsi sebagai penyelaras permohonan cadangan pemajuan dan juga urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang berperanan mempertimbangkan permohonan pelan-pelan pemajuan serta permit-permit pembinaan. Ia juga berperanan

dalam memastikan tiada pertindihan ulasan teknikal semasa memproses permohonan untuk mendapat kelulusan.

ii. PEMOHON

Pemohon adalah pihak yang mengemukakan permohonan pelan-pelan pemajuan dan permit pembinaan kepada OSC PBT dan Jabatan/ Agensi Teknikal. Mereka adalah terdiri daripada pemaju/ pemilik tanah (Project Proponent) dan Perunding Profesional (SP dan PSP) yang dilantik oleh pemaju. Perunding Profesional adalah terdiri dari Orang Yang Mengemukakan/ Submitting Person(SP) dan Orang Utama Yang Mengemukakan/ Principal Submitting Person(PSP) mengikut peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

iii. JABATAN/ AGENSI TEKNIKAL

Jabatan/ Agensi Teknikal merupakan pihak berkuasa menurut undang-undang yang ditetapkan bagi mengawalselia skop dan bidang yang berkaitan dengan skop pemajuan dan permit pembinaan. Jabatan/ Agensi Teknikal akan dirujuk oleh PBT bagi pengeluaran ulasan dalam mempertimbangkan kelulusan pelan-pelan pemajuan. Ia juga bertanggungjawab dalam pengeluaran sokongan untuk melengkapkan dokumen Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC).

iv. KATEGORI

Terdapat 8 Kategori permohonan dan pemajuan dalam sektor pembinaan yang ditetapkan dalam SOP ini. Penetapan kategori ini

adalah berdasarkan kepada senarai Projek-Projek Pembinaan Dan Perkhidmatan Berkaitan Pembinaan yang diumumkan di bawah sektor tambahan. Senarai projek-projek pembinaan yang dibenarkan untuk beroperasi adalah seperti berikut ;

- i. Projek di mana Syarikat G1 dan G2 sebagai syarikat utama;
- ii. Projek yang telah disahkan mencapai kemajuan fizikal 90% ke atas;
- iii. Kerja – kerja terowong;
- iv. Kerja – kerja penyelenggaraan dan operasi;
- v. Kerja-kerja cerun;
- vi. Kerja – kerja Jambatan dan *Viaduct*;
- vii. Kerja-kerja penyiasatan tanah;
- viii. Projek bangunan dengan 70 Skor IBS ke atas;
- ix. Projek pembinaan dengan fasiliti/ kemudahan tempat tinggal untuk pekerja seperti Kuarters Pekerja Berpusat atau kem pekerja.
- x. Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak;
- xi. Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk dan lain-lain haiwan perosak;
- xii. Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya.
- xiii. Semua perkhidmatan profesional yang terlibat dalam industri pembinaan termasuklah perkhidmatan senibina, kejuruteraan,

perancangan bandar, kerja-kerja ukur tanah, kerja-kerja ukur bahan, pengurusan projek, pengurusan fasiliti dan lain-lain.

- * *SOP ini juga terpakai sekiranya terdapat tambahan senarai projek pembinaan yang dibenarkan beroperasi dari MITI.*

Berdasarkan PKP 3.0 yang telah diumumkan Kerajaan pada 28 Mei 2021, Majlis Keselamatan Negara telah menggariskan sektor-sektor perlu yang dibenarkan beroperasi secara fizikal termasuklah sektor pembinaan. Walau bagaimanapun terdapat kategori sektor pembinaan yang dibenarkan beroperasi seperti berikut;

- i. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal;
- ii. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama;
- iii. Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kwarters Kerja Berpusat (CLQ).

- * *Perincian bagi ketiga-tiga kategori di atas hendaklah merujuk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak CIDB.*

5. KUATKUASA

SOP ini berkuatkuasa dengan serta merta.

LAMPIRAN A

KATEGORI 1 : PERMOHONAN RASMI PELAN PEMAJUAN BELUM DIKEMUKAKAN SEBELUM PKP DIKUATKUASAKAN PADA 1 JUN 2021.

Proses 1 : Pengumpulan Maklumat Teknikal (Secara <i>Online</i> Sahaja)	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan/ Agensi Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan maklumat-maklumat teknikal yang dimuatnaik dalam portal rasmi sentiasa dapat diakses bagi rujukan pemohon. ii. Menyenaraikan nama, nombor telefon dan alamat emel pegawai berkenaan untuk dihubungi pemohon bagi mendapatkan penjelasan maklumat teknikal dan hal-hal lain yang berkaitan dengan dokumen permohonan termasuk semakan jumlah bayaran fi permohonan bagi pengeluaran bil.
Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> i. Merujuk Manual OSC 3.0 Plus bagi mendapatkan senarai semak yang berkaitan. ii. Mendapatkan maklumat secara sekunder melalui portal rasmi PBT dan Jabatan/ Agensi Teknikal. iii. Menghubungi pegawai PBT dan Jabatan/ Agensi Teknikal bagi mendapatkan penjelasan lanjut.
Proses 2 : Pertimbangan Kelulusan Pelan Pemasjuaan	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan/ Agensi Teknikal Luaran	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan kemudahan sistem bayaran secara <i>Online</i>. ii. OSC membuat semakan permohonan secara <i>online</i>. iii. Memastikan pemohon mematuhi senarai semak dokumen termasuk bayaran fi yang telah dijelaskan. iv. OSC mendaftarkan permohonan secara rasmi tertakluk kepada kepatuhan terhadap senarai semak dokumen dan mengeluarkan resit rasmi bayaran fi permohonan untuk diedarkan kepada pemohon secara <i>online</i>. v. OSC membuat edaran permohonan kepada jabatan/ agensi teknikal yang berkaitan secara <i>online</i>. vi. Jabatan Memperaku memproses permohonan bagi pengeluaran ulasan, arahan bertulis (KM sahaja) dan penyediaan kertas perakuan. vii. ATD dan ATL memproses permohonan secara <i>online</i> bagi mengeluarkan ulasan teknikal dalam tempoh ditetapkan secara <i>online</i>.

LAMPIRAN 1

	<ul style="list-style-type: none"> viii. Menyediakan dan menetapkan tatacara pelaksanaan Mesyuarat JK OSC secara <i>online</i> melalui aplikasi yang sesuai. ix. Keputusan JK OSC yang disyorkan sepanjang tempoh PKP dan Pasca PKP: <ul style="list-style-type: none"> a. Lulus Dengan Pindaan Pelan bagi mematuhi keperluan teknikal dan kepentingan menjalankan lawatan tapak selepas tempoh PKP. Sekiranya lawatan tapak dijalankan dalam tempoh PKP, Kelulusan Penuh boleh diberikan tertakluk kepada pematuhan keperluan teknikal sebagaimana perkara b. b. Lulus Dengan Pindaan Pelan bagi mematuhi keperluan teknikal tanpa perlu menjalankan lawatan tapak. Boleh diberi kelulusan penuh tertakluk kepada pematuhan atau tolak tertakluk kepada ketidakpatuhan selepas 28 hari tempoh pematuhan dalam mesyuarat JK OSC. x. Menyerahkan dokumen-dokumen rasmi yang telah diperakukan kepada pemohon secara <i>online</i>.
<p>Pemohon</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Mendaftarkan permohonan dan memuatnaik dokumen permohonan menggunakan Sistem OSC Online atau Sistem OSC 3.0 Plus Online. ii. Memastikan jumlah bayaran fi permohonan dengan PBT melalui bil yang dikeluarkan dan membuat pembayaran fi secara <i>online</i>. iii. Memastikan semua dokumen yang dimuatnaik mematuhi senarai semak dokumen dan dokumen yang telah disahkan ketulinannya termasuk resit bayaran fi permohonan secara <i>online</i>. iv. Membuat pindaan pelan selaras dengan keperluan Arahan Bertulis (KM sahaja) yang telah dikeluarkan dan serahkan dokumen pelan yang telah dipinda secara <i>online</i> / emel kepada Jabatan Memperaku dan salinkan kepada OSC. v. Menyediakan dokumen-dokumen untuk diberi cop kelulusan dan serahkan kepada PBT secara <i>online</i>.

LAMPIRAN A**Nota :**

- a. *Lawatan tapak bagi mengeluarkan ulasan teknikal tidak diwajibkan kecuali bagi tapak yang tertentu.*
- b. *Mesyuarat Jawatankuasa OSC secara fizikal seperti yang diamalkan sebelum PKP adalah tidak digalakkan, walau bagaimanapun mesyuarat tersebut boleh dilakukan sekiranya terdapat kekangan dan keperluan dengan memastikan garis panduan amalan terbaik social/ safe distancing dipatuhi.*
- c. *Mesyuarat Jawatankuasa OSC atau sebarang mesyuarat secara online yang dianjurkan (host) oleh Jabatan/ agensi kerajaan boleh menggunakan aplikasi Skype for Business selaras dengan saranan Bahagian Dasar Dan Perancangan ICT MAMPU, Jabatan Perdana Menteri atau aplikasi yang disahkan selamat oleh agensi.*
- d. *Penyediaan dokumen-dokumen oleh pemohon yang memerlukan pengesahan/ kelulusan Jabatan/ Agensi Teknikal lain seperti laporan EIA, TIA, SIA, carian rasmi hakmilik tanah dan lain-lain sepertimana keperluan senarai semak dokumen hendaklah dipatuhi. Walau bagaimanapun ia adalah tertakluk kepada pengoperasian Jabatan/ Agensi Teknikal yang berkenaan dan pematuhan kepada ketetapan dan peraturan PKP.*
- e. *PBT boleh membatalkan permohonan sekiranya mendapati pemohon mengemukakan dokumen palsu.*

LAMPIRAN B**KATEGORI 2 : PERMOHONAN RASMI TELAH DITERIMA DAN BELUM DIPERTIMBANG JAWATANKUASA OSC**

Proses 2 : Pertimbangan Kelulusan Pelan Pemajuan	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan/ Agensi Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan Memperaku memproses permohonan bagi pengeluaran ulasan, arahan bertulis (KM sahaja) dan penyediaan kertas perakuan. ii. ATD & ATL memproses permohonan secara online bagi mengeluarkan ulasan dalam tempoh ditetapkan. iii. Menyediakan dan menetapkan tatacara pelaksanaan Mesyuarat JK OSC secara <i>online</i> melalui aplikasi yang sesuai. iv. Keputusan JK OSC yang disyorkan sepanjang tempoh PKP ; <ul style="list-style-type: none"> a. Lulus Dengan Pindaan Pelan bagi mematuhi keperluan teknikal dan kepentingan menjalankan lawatan tapak selepas tempoh PKP. Sekiranya lawatan tapak dijalankan dalam tempoh PKP Kelulusan Penuh boleh diberikan tertakluk kepada pematuhan keperluan teknikal sebagaimana perkara b. b. Lulus Dengan Pindaan Pelan bagi mematuhi keperluan teknikal tanpa perlu menjalankan lawatan tapak. Boleh diberi kelulusan penuh tertakluk kepada pematuhan atau tolak tertakluk kepada ketidakpatuhan selepas 28 hari tempoh pematuhan dalam mesyuarat JK OSC. v. Menyerahkan dokumen-dokumen rasmi yang telah diperakukan kepada pemohon secara <i>online</i>.
Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> i. Membuat pindaan pelan selaras dengan keperluan Arahan Bertulis (KM sahaja) yang telah dikeluarkan dan serahkan dokumen pelan yang telah dipinda melalui emel kepada Jabatan Memperaku dan salinkan kepada OSC. ii. Menyediakan dokumen-dokumen untuk diberi cop kelulusan dan serahkan kepada PBT secara <i>online</i>.

**KATEGORI 3 : PERMOHONAN TELAH DILULUSKAN JAWATANKUASA OSC
DENGAN KEPUTUSAN LULUS PENUH**

Proses 2 : Pertimbangan Kelulusan Pelan Pemajuan	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan	i. Mengemukakan dokumen-dokumen rasmi yang telah diperakukan kepada pemohon secara <i>online</i> .
Pemohon	i. Menyediakan dokumen-dokumen untuk diberi cop kelulusan dan serahkan kepada PBT secara <i>online</i> .

LAMPIRAN D

KATEGORI 4 : PERMOHONAN TELAH DILULUSKAN JAWATANKUASA OSC DENGAN KEPUTUSAN LULUS DENGAN PINDAAN

Proses 2 : Pertimbangan Kelulusan Pelan Pemajuan	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan/ Agensi Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Keputusan JK OSC yang disyorkan sepanjang tempoh PKP; <ul style="list-style-type: none"> a. Permohonan yang telah Lulus Dengan Pindaan Pelan sebelum tempoh PKP. Boleh diberi kelulusan penuh tertakluk kepada pematuhan atau tolak tertakluk kepada ketidakpatuhan. ii. Menyediakan dokumen-dokumen rasmi yang telah diperakukan untuk diserahkan kepada pemohon secara <i>online</i>. iii. Menyertai Mesyuarat JK OSC secara <i>online</i> yang dianjurkan (<i>host</i>) oleh PBT.
Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan dokumen-dokumen untuk diberi cop kelulusan dan serahkan kepada PBT secara <i>online</i>.

LAMPIRAN E

KATEGORI 5 : PEMAJUAN YANG TELAH MENDAPAT SEMUA KELULUSAN PELAN PEMAJUAN TETAPI BELUM MEMBUAT NOTIFIKASI MULA KERJA BINAAN

Proses 3 : Notifikasi Mula Kerja Binaan	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan/ Agensi Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan notifikasi mula kerja binaan mematuhi senarai semak termasuk salinan surat kelulusan MITI dan keluarkan surat halangan secara online jika pemohon gagal. ii. OSC edarkan secara online notifikasi mula kerja binaan kepada jabatan/ agensi teknikal yang berkenaan. iii. ATD dan ATL menerima edaran notifikasi mula kerja binaan untuk direkodkan secara <i>online</i>.
Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemaju dan kontraktor utama (struktur dan substruktur) hendaklah mendapatkan kelulusan MITI bagi menjalankan operasi sektor pembinaan. ii. Mengemukakan notifikasi mula kerja binaan dengan mematuhi senarai semak ditetapkan termasuk salinan surat kelulusan MITI melalui sistem <i>online</i> atau emel kepada Jabatan Bangunan dan salinkan kepada OSC. iii. Menjalankan kerja pembinaan tertakluk kepada persetujuan PBT.
<p><i>Nota :</i></p> <p>a. <i>PBT boleh melalui budibicaranya dan tertakluk dengan apa-apa syarat yang difikirkan sesuai untuk melanjutkan/ memperbaharui tempoh sah kelulusan pelan-pelan pemajuan ke atas pemohon yang tidak dapat menjalankan kerja binaan atau pemohon yang gagal mendapat kelulusan daripada MITI.</i></p>	

KATEGORI 6 : PEMAJUAN YANG TELAH MENGEMUKAKAN NOTIFIKASI MULA KERJA BINAAN DAN KERJA PEMBINAAN TELAH DIMULAKAN

Proses 4 : Pemantauan Tapak Bina Dan Notifikasi Pemeriksaan Interim	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan/ Agensi Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerima dan merekodkan salinan surat kelulusan MITI dari pemohon. ii. OSC membuat edaran surat kelulusan MITI kepada semua jabatan/ agensi teknikal yang berkaitan (Notifikasi Mula Kerja Binaan). iii. Menyediakan jadual dan menjalankan pemantauan tapak bina mengikut kesesuaian dengan mematuhi keperluan dalam SOP KKR/CIDB dalam tempoh PKP dan Pasca PKP. iv. Menerima notifikasi pemeriksaan interim secara <i>online</i> dan menjalankan pemeriksaan dengan mematuhi SOP KKR/ CIDB.
Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemaju dan kontraktor utama (struktur dan substruktur) hendaklah mendapatkan kelulusan MITI bagi menjalankan operasi sektor pembinaan. ii. Mengemukakan salinan surat kelulusan MITI kepada PBT (OSC) secara <i>online</i> (sistem OSC <i>online</i> atau emel). iii. Menjalankan semula operasi kerja pembinaan yang terhenti apabila PKP dikuatkuasakan dengan mematuhi SOP KKR/ CIDB dalam tempoh PKP. iv. Mengemukakan notifikasi pemeriksaan interim secara <i>online</i> (sistem OSC <i>online</i> atau emel) mengikut skop kepada jabatan/ agensi teknikal yang berkenaan dan salinkan kepada OSC.
<p><i>Nota :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> a. Prosedur pemantauan tapak dilaksanakan bagi memastikan kerja pembinaan mematuhi syarat-syarat kelulusan pelan pemajuan sepanjang tempoh pembinaan dijalankan. b. Tindakan penguatkuasaan seperti arahan berhenti kerja, notis kompaun, notis pembetulan, arahan tahan pengeluaran CCC dan lain-lain boleh dilaksanakan mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada melalui proses pemantauan tapak bina dan proses pemeriksaan tapak diperingkat notifikasi pemeriksaan interim. 	

LAMPIRAN G

KATEGORI 7 : PEMAJUAN YANG TELAH MENCAPAI KEMAJUAN FIZIKAL 90% HINGGA 100% DAN BERSEDIA UNTUK PENGELUARAN SIJIL PENYIAPAN DAN PEMATUHAN

Proses 5 : Notifikasi Pemeriksaan Akhir	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan/ Agensi Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerima dan merekodkan salinan surat kelulusan MITI dari pemohon. ii. OSC membuat edaran surat kelulusan MITI kepada semua jabatan/ agensi teknikal yang berkaitan (Notifikasi Mula Kerja Binaan). iii. Menerima notifikasi pemeriksaan akhir secara online dan menjalankan pemeriksaan dengan mematuhi SOP KKR/ CIDB. iv. ATD dan ATL menyediakan jadual dan menjalankan pemeriksaan tapak bina mengikut kesesuaian dengan mematuhi SOP KKR/ CIDB. v. Mengeluarkan surat/ sijil pelepasan/ kelayakan/ pengesahan bagi borang-borang G yang berkenaan dan serahkan kepada pemohon pada hari pemeriksaan dijalankan atau secara <i>online</i> (Sistem OSC <i>Online</i> atau emel).
Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemaju dan kontraktor utama (struktur dan substruktur) hendaklah mendapatkan kelulusan MITI bagi menjalankan operasi skop pembinaan. ii. Mengemukakan salinan surat kelulusan MITI kepada PBT (OSC) secara <i>online</i> (Sistem OSC <i>Online</i> atau emel). iii. Menjalankan semula operasi kerja pembinaan yang terhenti apabila PKP dikuatkuasakan dengan mematuhi SOP KKR/CIDB dalam tempoh PKP. iv. Menyediakan jadual pemeriksaan akhir bagi setiap skop jabatan/ agensi teknikal dan tarikh secara berasingan bagi meminimumkan bilangan orang yang terlibat semasa sesi pemeriksaan tapak. v. Mengemukakan notifikasi pemeriksaan akhir secara <i>online</i> (sistem OSC <i>online</i> atau emel) mengikut skop kepada jabatan/ agensi teknikal yang berkenaan bersama jadual yang disediakan dan salinkan kepada OSC.

	<p>vi. Menghadiri prosedur pemeriksaan akhir oleh jabatan/ agensi teknikal dengan mematuhi SOP KKR/ CIDB dalam tempoh PKP.</p> <p>vii. Menerima surat/ sijil pelepasan/ kelayakan/ pengesahan bagi borang-borang G dari jabatan/ agensi teknikal yang berkenaan.</p>
Proses 6 : Pendepositan CCC	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan	i. Memastikan dokumen CCC yang dikemukakan oleh pemohon secara online adalah lengkap dan arahkan pemohon kemukakan salinan hardcopy kepada PBT.
Pemohon	<p>i. Melengkapkan dokumen CCC (Borang G dan Borang F) dan depositkan salinan kepada PBT secara online (sistem osc online atau emel).</p> <p>ii. Kemukakan salinan hardcopy dokumen CCC yang lengkap kepada PBT.</p>
<p>Nota :</p> <p>a. Tindakan penguatkuasaan seperti notis kompaun, notis pembetulan, arahan tahan pengeluaran CCC dan lain-lain boleh dilaksanakan mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada melalui proses pemeriksaan akhir.</p> <p>b. Pemohon bertanggungjawab secara 'self-regulation' menyediakan dokumen CCC yang lengkap mengikut peraturan yang ditetapkan.</p> <p>c. PBT boleh mempertimbangkan untuk menerima salinan hardcopy dokumen CCC selepas PKP.</p>	

LAMPIRAN H

KATEGORI 8 : PEMAJUAN YANG TELAH SELESAI MENJALANKAN PEMERIKSAAN AKHIR DAN DOKUMEN CCC TELAH DILENGKAPKAN TETAPI BELUM MEMBUAT PENDEPOSITAN CCC DI PBT

Proses 6 : Pendepositan CCC	
Tanggungjawab	Tindakan
Pihak Berkuasa Tempatan	i. Memastikan dokumen CCC yang dikemukakan oleh pemohon secara <i>online</i> adalah lengkap dan arahkan pemohon kemukakan salinan hardcopy kepada PBT.
<u>Pemohon</u>	i. Melengkapkan dokumen CCC (Borang G dan Borang F) dan depositkan salinan kepada PBT secara <i>online</i> (sistem <i>osc online</i> atau emel). ii. Kemukakan salinan hardcopy dokumen CCC yang lengkap kepada PBT.
<p><i>Nota :</i></p> <p>a. Pemohon bertanggungjawab secara 'self-regulation' menyediakan dokumen CCC yang lengkap mengikut peraturan yang ditetapkan.</p> <p>b. PBT boleh mempertimbangkan untuk menerima salinan hardcopy dokumen CCC selepas PKP.</p>	

LAMPIRAN I**NOTA UTAMA**

- 1) Pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pusat Setempat (OSC) PBT Bagi Menjalankan Operasi Sektor Pembinaan Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dan Pasca PKP ini hendaklah selaras dengan pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus melainkan SOP ini menyatakan perbezaan dan SOP ini hendaklah mengatasi.
- 2) Pemohon hendaklah memastikan mendapat surat kelulusan MITI bagi semua sektor rangkaian yang terlibat dalam sektor pembinaan projek pembangunan berdasarkan **SOP MITI - Proses Kerja Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan** hendaklah dipohon melalui portal **COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0** yang diselenggarakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). (melalui pautan notification.miti.gov.my) boleh dilayari melalui www.miti.gov.my
- 3) Kebenaran beroperasi bagi projek pembinaan dalam tempoh PKP hendaklah dilaksanakan dengan mematuhi sepenuhnya semua SOP dan syarat yang digariskan oleh Kementerian dan Agensi berkaitan.
- 4) Waktu beroperasi juga perlu mematuhi apa-apa arahan selanjutnya daripada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN).
- 5) Pelaksanaan SOP ini hanya terpakai ke atas 13 perkara yang disenaraikan di dalam sektor projek-projek pembinaan dan perkhidmatan berkaitan pembinaan yang dibenarkan oleh pihak MITI.
- 6) Mematuhi **SOP KKR/CIDB - Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Projek Pembinaan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**.
- 7) Pelaksanaan proses dan prosedur secara atas talian adalah melalui Sistem OSC 3.0 Plus *Online*, Sistem OSC *Online* dan transaksi emel konvensional.
- 8) Pelaksanaan SOP ini adalah **tertakluk kepada kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membenarkan sektor pembinaan beroperasi di dalam tempoh PKP**.